



**3. PEGAWAI TEKNIK KANAN
JABATAN PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
KEMENTERIAN KEWANGAN
C.2 EB.3 (\$1,450 - \$2,270 SEBULAN)
KEKOSONGAN=1**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) BDTVEC/BTEC Sijil Tertinggi Kebangsaan (HNC) atau sebanding dalam bidang Telekomunikasi / Elektronik atau bidang bersesuaian, atau kelulusan sebanding dalam bidang-bidang yang sama.

ATAU


- b) BDTVEC/BTEC Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (ND) dalam bidang Telekomunikasi / Elektronik atau bidang bersesuaian atau kelulusan sebanding dalam bidang yang sama serta berkhidmat dengan Kerajaan dalam bidang berkaitan dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tanggagaji D.4/D.3 tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- c) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Pegawai Teknik dalam tanggagaji D.3 tidak kurang dari 5 tahun.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI TEKNIK KANAN:

1. Menyediakan spesifikasi untuk projek-projek yang sedang dan akan dilaksanakan.
2. Membuat penilaian teknikal bagi sebut harga daripada pembekal.
3. Membuat penilaian teknikal bagi sebut harga yang diterima daripada Jawatankuasa Sebut Harga untuk permohonan bagi kerja-kerja memesan alat-alat ganti, membaiki dan penyelenggaran peralatan komunikasi HMSC.
4. Menerima segala dokumen-sokumen yang berkenaan bagi peralatan telekomunikasi yang baru diterima.



5. Membuat *commissioning* dan *testing* bersama pembekal dan pengguna.
6. Memasukkan aduan melalui telefon dan minit pejabat tentang laporan kerosakan bagi peralatan telekomunikasi.
7. Memasukkan data-data yang diperlukan ke dalam pangkalan data workorder.
8. Membuat pemeriksaan peralatan-peralatan telekomunikasi yang rosak.
9. Menyediakan kertas kerja bagi permohonan kerja-kerja pembelian alat-alat ganti, membaiki dan penyelenggaraan.
10. Menerima arahan untuk bertugas ke lokasi alat-alat komunikasi HMSF di seluruh daerah.
11. Membuat lawatan ke lokasi-lokasi alat-alat perhubungan HMSF ke seluruh daerah.
12. Bersedia menerima arahan dari Ketua Bahagian dari semasa ke semasa.